

**Yayasan Taqwa, MAIWP Nafi Terima Zakat RM4 Juta
Bernama
14 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Selasa menafikan dakwaan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Nasrudin Hassan kononnya badan itu menerima zakat RM4 juta dari MAIWP.

Yayasan Taqwa (YT) dan MAIWP dalam satu kenyataan berkata bagi tahun lepas, pengurusan YT telah memohon peruntukan sebanyak RM8.81 juta daripada MAIWP tetapi hanya diluluskan RM4 juta dan bayaran telah dibuat dua peringkat.

"RM3 juta dibayar pada 30 Jun 2011 manakala bakinya dibayar pada 30 Nov tahun yang sama dan kelulusan pula dibuat oleh sebuah Jawatankuasa MAIWP yang terdiri bahagian Baitulmal, bahagian pembangunan dan Unit Audit Dalam MAIWP tanpa campur tangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

"Keputusan yang dibuat juga bergantung pada prestasi program dan aktiviti (yayasan) dari semasa ke semasa dengan pemantauan ketat dan diselaras secara bersama oleh pihak MAIWP yang diputuskan melalui mesyuarat," kata kenyataan itu.

Justeru, tambah kenyataan itu tidak timbul isu salah guna kuasa terutama kuasa peribadi Jamil Khir yang juga merupakan Pengerusi MAIWP seperti didakwa Nasrudin.

Mengenai perkara Nasrudin mempersoalkan kewujudan YT, kenyataan itu menjelaskan perkara itu tidak berasaskan fakta kerana penubuhannya (Yayasan Taqwa) adalah bertujuan menerima serta menguruskan dana peruntukan MAIWP dan sebarang sumbangan bagi melaksanakan aktiviti kebajikan, sosial dan kemajuan Islam.

"MAIWP pada tahun 2011 sahaja telah meluluskan sebanyak 72,951 permohonan bantuan zakat melalui 28 skim bantuan zakat yang merangkumi pelbagai aspek dan ini menafikan dakwaan Nasrudin yang menyatakan masih ramai lagi asnaf di Wilayah Persekutuan tidak menerima wang zakat," kata kenyataan itu.

YT turut menafikan tohmahan kononnya badan itu berbelanja besar untuk pentadbiran sahaja.

"Jumlah peruntukan hampir RM2 juta meliputi semua perbelanjaan pentadbiran pejabat dan pengurusan programnya manakala jawatan Pengurus Besarnya hanya setaraf Gred 52.

"Sebagai sebuah syarikat berorientasikan kebajikan, tiada isu bayaran yang meragukan dan seluruh perbelanjaan Yayasan Taqwa telah diaudit dan disahkan," tambah kenyataan itu lagi.

YT dan MAIWP mengalu-alukan sebarang pertanyaan dan mempelawa mana-mana pihak yang memerlukan penjelasan lanjut berkenaan isu ini untuk berhubung terus dengan pihak pengurusan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645716>